

TARIKH: 5/12/23  
 SURAT KHABAR: Sinar Harian  
 MUKA SURAT: 5

## Dasar Gaji Progresif bantu tingkat simpanan persaraan KWSP

**SHAH ALAM** - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yakin Dasar Gaji Progresif dapat meningkatkan simpanan persaraan ahli sebanyak 54 peratus pada masa akan datang.

Ketua Jabatan Pengurusan Strategi KWSP, Balqais Yusoff berkata, jika ahli tersebut mendapat kenaikan gaji tahunan sebanyak tiga peratus, simpanan tersebut akan meningkat kepada RM64,500 pada usia 30 tahun dan RM512,500 pada usia 55 tahun.

"Ini bersamaan dengan pendapatan persaraan sebanyak RM2,100 sebulan. Kenaikan gaji secara tahunan dapat meningkatkan simpanan persaraan sebanyak 54 peratus.

"Sekiranya majikan menggunakan insentif Dasar Gaji Progresif sebanyak RM200 sebulan untuk meningkatkan gaji asas, simpanan ahli tersebut akan meningkat kepada RM73,100 pada usia 30 tahun dan RM580,500 pada usia 55 tahun.

"Ini bersamaan dengan pendapatan persaraan sebanyak RM2,400 sebulan

iaitu hampir mencapai anggaran perbelanjaan minimum bagi seorang warga tua di Lembah Klang sebanyak RM2,500 sebulan mengikut kajian Belanjawanku hasil Pusat Kajian Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya," katanya kepada *Sinar Premium*.

Tambahnya, antara faktor -faktor lain yang menyumbang kepada tahap pencapaian simpanan asas ahli KWSP adalah gaji bulanan pekerja, bekerja dan mencarum secara konsisten, kadar dividen KWSP dan tidak membuat pengeluaran daripada Akaun 1.

"Pada masa ini, kuantum simpanan asas KWSP pada 55 tahun adalah sebanyak RM240,000 dalam Akaun 1 ahli. Ini bersamaan dengan pendapatan bulanan sebanyak RM1,000 selama 20 tahun. Bagi ahli yang berusia 30 tahun, kuantum simpanan asas semasa adalah



**BALQAIS**

RM35,000.

"Berdasarkan unjuran dalam KWSP, seorang ahli yang berusia 18 tahun dan mendapat gaji minimum sebanyak RM1,500 sebulan akan mempunyai simpanan sebanyak RM54,800 pada usia 30 tahun tanpa sebarang kenaikan gaji tahunan. Pada usia 55 tahun, ahli tersebut akan mempunyai simpanan sebanyak RM333,300 iaitu bersamaan dengan RM1,400 sebulan untuk 20 tahun.

"Ini bermakna jika ahli mencarum secara konsisten dan tidak keluar daripada sektor formal, mereka boleh mencapai kuantum simpanan asas. Namun begitu, walaupun ahli telah mencapai kuantum simpanan asas, RM1,400 adalah lebih rendah daripada Pendapatan Garis Kemiskinan," katanya.

Dalam pada itu, Balqais berkata, sekiranya projek rintis Dasar Gaji Progresif berjaya dilaksanakan bermula Jun tahun hadapan, ia akan meningkatkan target kuantum simpanan asas KWSP daripada RM240,000 kepada RM340,000.

"KWSP menggunakan pencen minimum perkhidmatan awam iaitu RM1,000 sebulan, sebagai penanda aras dalam penetapan tahap simpanan asas. Simpanan asas semasa iaitu RM240,000 adalah berdasarkan unjuran jangka hayat selama 20 tahun selepas persaraan

(ataupun 75 tahun).

"Kadar simpanan asas KWSP di semak semula setiap tiga tahun untuk memastikan kadar tersebut bersesuaian dengan keadaan ekonomi dan kos sara hidup semasa. Oleh itu, KWSP akan menaikkan kuantum simpanan asas daripada RM240,000 kepada RM340,000 pada RM240,000 kepada RM340,000 yang mana kuantum baharu ini akan dilaksanakan secara berfasa.

"Kuantum ini adalah berdasarkan kajian Belanjawanku dengan mengambil kira 60 peratus daripada perbelanjaan minimum untuk seorang warga tua di Lembah Klang iaitu sebanyak RM2,520 sebulan," jelasnya.

Sebelum ini, kerajaan mengesahkan Dasar Gaji Progresif akan mula dilaksanakan secara sukarela bermula Jun tahun hadapan melibatkan 1,000 majikan.

Kira-kira empat juta pekerja yang kini menerima gaji bulanan dalam lingkungan RM1,500 hingga RM4,999 layak menyertai program tersebut.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan akan menyediakan insentif tunai antara RM200 dan RM300 bagi setiap pekerja syarikat yang menyertai program tersebut.

Pada Ogos, KWSP menyarankan rakyat Malaysia mempunyai simpanan asas sekurang-kurangnya RM35,000 pada usia 30 tahun untuk mencapai jumlah minimum wang yang diperlukan bagi menampung kehidupan selepas bersara

UNJURAN PENCAPAIAN SIMPANAN KWSP						
Gaji pada umur 18 tahun	Kenaikan Gaji Tahunan	Dividen KWSP	Caruman Bulanan (13%)	Pekerja (11%)	Simpanan Akaun 1	Umur 55
RM1.5K	0%	5%	RM198	RM168	Umur 30	RM54.8K
RM1.5K	3%	5%	RM198	RM168	Umur 30	RM64.5K
RM1.7K	3%	5%	RM224	RM190	Umur 30	RM73.1K
					Umur 55	RM580.5K
					Pendapatan Persaraan	RM1.4K
						RM2.1K
						RM2.4K